

## Dr. Mahathir lancar Hang Tuah Mall

MELAKA 3 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melancarkan Hang Tuah Mall, siar kaki yang terpanjang di Malaysia, malam ini.

Siar kaki yang bernilai RM8.8 juta itu merupakan satu lagi mercu tanda bagi Melaka yang akan memacu pertumbuhan ekonomi dan bakal menjadi tarikan pelancong ke negeri ini.

Hang Tuah Mall sepanjang 1.5 kilometer yang mengambil konsep Bintang Walk di Kuala Lumpur, diilhamkan oleh Mohd. Ali.

Siar kaki yang bermula dari Jalan Han Tuah hingga ke Jalan Munshi Abdullah dilengkapi dengan kawasan riadah serba moden, restoran makanan segera, medan menjamu selera, landskap dan lampu neon.

Lima kiosk yang dibina di kawasan itu turut menarik perhatian kerana dinamakan dengan lima pahlawan Melayu terkenal di Melaka iaitu Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu.

Dr. Mahathir dalam ucapannya berkata, pembinaan Hang Tuah Mall mampu menarik lebih ramai pelancong ke Melaka selain memberi manfaat kepada para peniaga di negeri ini.

UM 4 OCT 2002